Ujian 7 UASA

BAB 5

Tarikh : _____

Tamadun Awal Dunia

Skor

/60

Bahagian A

1. Pilih pasangan yang betul. SP 4.1.4 TP2

	Tamadun	Lokasi
A	Indus	Sungai Nil
B	Huang He	Sungai Ganges
C	Mesir Purba	Sungai Kuning
D	Mesopotamia	Sungai Tigris dan Sungai Euphrates

2. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri Negara-Kota Ur? SP 4.1.4 TP2
   I Terdapat pelabuhan
   II Dipenuhi rumah dan kedai
   III Pembinaan kolam mandi besar
   IV Sistem pembentungan sistematik
   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

3. Apakah peranan kawasan Bulan Sabit Subur dalam tamadun Mesopotamia? SP 4.1.4 TP2
   A Perkilangan C Perlombongan
   B Perbandaran D Perkampungan

4. Gambar berikut menunjukkan binaan dalam Tamadun Mesopotamia. SP 4.1.4 TP2

   Apakah fungsi binaan tersebut?
   A Pelabuhan
   B Tempat ibadat
   C Kubu pertahanan
   D Kawasan perkuburan

5. Gambar berikut menunjukkan tinggalan bandar Mohenjo-Daro. SP 4.1.5 TP2

   Apakah keistimewaan bandar tersebut?
   A Terletak di tanah tinggi
   B Didiami oleh pelbagai kaum
   C Merupakan bandar terancang
   D Majoriti penduduk ialah pedagang

6. Apakah sumbangan utama Tamadun Huang He? SP 4.1.5 TP3
   A Mencipta sutera
   B Menghasilkan roda
   C Membina tempat ibadat
   D Memperkenalkan sistem nombor

7. Maklumat berikut menunjukkan aspek pemerintahan dalam tamadun awal dunia. SP 4.1.5 TP3

   - Negara-kota bersatu membentuk empayar yang pertama.
   - Lahirnya Kod Undang-undang Hammurabi.

   Apakah tamadun awal tersebut?
   A Indus
   B Huang He
   C Mesir Purba
   D Mesopotamia

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

8. Gambar berikut menunjukkan binaan dalam Tamadun Mesir Purba.

SP 4.1.6 TP 2

Apakah fungsi binaan tersebut?

A Rumah ibadat
B Perkuburan firaun
C Istana golongan bangsawan
D Pusat pertemuan rakyat jelata

9. Apakah bukti perkembangan pesat kegiatan pertanian dalam Tamadun Huang He? SP 4.1.6 TP 3

A Pengenalan tanaman baharu
B Perluasan kawasan pertanian
C Penghasilan alat pertanian besi
D Pembinaan institusi penyelidikan

10. Apakah hasil kesenian masyarakat Tamadun Indus? SP 4.1.6 TP 2

I Patung daripada batu
II Balang bercorak geometri
III Penciptaan puisi romantik
IV Lukisan di dinding bangunan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS